
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

SBW322 - Perindustrian dan Pembangunan Antarabangsa

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan: Jawab Soalan 1 dan DUA soalan lain.

Soalan 1 (20 markah) - SOALANINI MESTI DIJAWAB.

Dengan ringkas huraikan maksud EMPAT daripada senarai istilah dan konsep yang berikut:

- a. pengantarabangsaan modal
- b. pengindustrian lewat
- c. pasaran terkawal
- d. dasar perasionalan perindustrian
- e. pengindustrian berorientasikan eksport
- f. pemerintah berdasarkan pembangunan

Soalan 2 (40 markah)

Dalam sistem perdagangan dunia di era globalisasi, seperti mana yang diringkaskan oleh Ishak Shari (2000: 50),

pengeluaran sesuatu barang tidak lagi dilakukan dengan mengeluarkan dan menggabungkan kesemua komponennya secara besar-besaran di sesuatu lokasi dalam sebuah negara tertentu. Sebaliknya, pengeluaran pelbagai komponen untuk sesuatu barang itu dilakukan di banyak lokasi dan negara tetapi disepadukan dalam satu rangkaian pengeluaran yang berhirarki dengan TNC (atau perbadanan multinasional) memainkan peranan besar.

Bincangkan kebaikan dan keburukan yang mungkin ditemui negara perindustrian baru akibat daripada perkembangan pengantarabangsaan pengeluaran sedemikian.

...2/-

Soalan 3 (40 markah)

Berasaskan contoh dan bukti yang sesuai, bincangkan pencapaian teknologi perindustrian oleh syarikat besar Korea Selatan sepetimana yang dinyatakan oleh petikan yang berikut:

‘... firma lewat Korea Selatan telah banyak mengurangkan jurang dalam elektronik. Melalui strategi mereka yang mengaitkan pembelajaran teknologi dengan permintaan pasaran eksport, *chaebol-chaebol* telah mencapai suatu kedudukan yang kukuh di pentas antarabangsa’ (terj. drp Hobday, 1995: 92).

Soalan 4 (40 markah)

Sebelum Julai 1997, banyak pihak percaya bahawa suatu ‘keajaiban ekonomi’ telah dicapai oleh ‘model pembangunan Asia Timur’ yang bergantung kepada

kuasa pemerintah demi membantu modal nasional (atau usahawan tempatan) bersaing di pasaran antarabangsa dengan melindungi syarikat tempatan daripada persaingan asing, membekalkan modal pada kadar bunga yang rendah (selagi modal itu perlu untuk pelaburan produktif), mencegah pelarian modal yang dikehendaki untuk pelaburan dalam negeri, dan mengekalkan kos tenaga buruh pada paras yang rendah melalui apa jua cara yang mungkin (terj. drp. W. K. Tabb, ‘The East Asian Financial Crisis’, *Monthly Review*, 50, 2, Jun 1998, hal. 31).

Apakah pandangan anda terhadap pencapaian dan kelemahan model tersebut?

Soalan 5 (40 markah)

Dari segi pembelajaran teknologi oleh sesebuah syarikat yang lewat mengindustrialisasi, apakah persamaan dan perbezaan yang penting antara pembuatan kelengkapan asal dengan pembuatan rekabentuk diri? Berpandukan contoh-contoh yang berpatutan, bincangkan kelebihan dan juga halangan utama yang dihadapi sesebuah syarikat yang berhasrat mencapai suatu peralihan daripada pembuatan kelengkapan asal kepada pembuatan jenama sendiri.

Soalan 6 (40 markah)

Secara kritis, bincangkan perkembangan luaran serta faktor dalaman yang mengakibatkan ‘krisis kewangan Julai 1997’ sehingga ‘pengalaman terbaru di Asia jelas menunjukkan bahawa krisis kewangan ... boleh dengan mudah merebak menjadi krisis ekonomi, sosial dan politik yang membawa segala bentuk penderitaan yang terpaksa ditanggung oleh rakyat negara yang terlibat’ (Ishak Shari 2000: 107). Pada pendapat anda, bagaimanakah dapat negara-negara Asia Timur mengembalikan pertumbuhan ekonomi yang telah terhilang selepas 1997?